

jurnal intelek

JULAI - DISEMBER 2003 • Bil. 1



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERLIS

JURNAL INTELEK 2003

(Edisi 1 • Julai - Disember)

Diterbitkan Oleh :

**Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perlis
Kampus Arau
02000 Arau, Perlis.**

- © Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar mana-mana bahagian, artikel, Illustrasi, isi kandungan prosiding ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit

JURNAL INTELEK • 2003

Bil. 1 • Julai - Disember 2003

A) KERTAS KONSEP

mukasurat

- | | |
|---|----|
| i) Pengenalan Kepada Pembelajaran Kooperatif.
- <i>Azizah Mat Isa, Sarina Muhamad Nor, Sharipah Isa</i> | 1 |
| ii) Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000 : Satu Tinjauan Awal.
- <i>Azizan Kassim</i> | 8 |
| iii) Konsep Pendidikan Islam.
- <i>Ahmad Sabri Osman</i> | 22 |
| iv) Falsafah Ekonomi Islam : Satu Pengenalan.
- <i>Basri Abd Ghani</i> | 39 |
| v) Pengaruh Nilai Guru Di Dalam Pelaksanaan Pengetahuan
Isi Kandungan Pedagogi Di Bilik Darjah.
- <i>Naginder Kaur a/p Surjit Singh</i> | 46 |

B) JURNAL PENYELIDIKAN

- | | |
|---|----|
| i) Pemodelan Teori Kabur Dalam Penilaian Prestasi
Kakitangan Akademik, UiTM Kampus Arau.
- <i>Mahmood Othman, Nadzri Mohamad</i> | 54 |
| ii) An Empirical Study Of Input Methods Deployed
During Treatment Session In A Clinical System.
- <i>Fakhrul Hazman Yusof, Norlis Othman, Abidah Hj. Mat Taib</i> | 65 |
| iii) Tracing Malay Learners' Variations In Learning Strategies.
<i>Mohamad Fadhlly Yahaya</i> | 74 |
| iv) Penentuan Paras Fosfat Terlarut (PO ₄ –P)
Di Tasik Timah Tasoh, Perlis.
- <i>Hasnun Nita Hj. Ismail</i> | 86 |


JURNAL INTELEK • 2003

Bil. 1 • Julai - Disember 2003

B) JURNAL PENYELIDIKAN

mukasurat

- | | | |
|-------|--|-----|
| v) | A Study On Electroplating.
- <i>Saidatulakmar Shamsuddin</i> | 94 |
| vi) | "RIM" Classification For Prediction Of SinkholeTragedy In Limestone Areas.
- <i>Roslan Zainal Abidin, Damanhuri Jamalludin, Mohd Fadzil Arshad, Mukhlis Noordin</i> | 104 |
| vii) | Penghasilan Suatu Sistem Pencerap Suhu Berautomasi.
- <i>Hamidi A. Hamid, Nor Arzami Othman, Mahadzir Hj. Din</i> | 113 |
| viii) | A Preliminary Study of the Water Quality Status along Sungai Mada, Kodiang, Kedah to the Sungai Baru estuary, Perlis.
- <i>Faridah Hanum Hj. Badrun, Zailuddin Ariffin, Baharuddin Salleh</i> | 122 |
| ix) | Rangsangan Pembelajaran Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Di UiTM Kampus Arau.
- <i>Hamidah Jaafar Sidek</i> | 127 |
| x) | A Marketing Survey And A Perception Study Of Customers' Acceptance And Interest On Vehicle Tracking System (VTS) In Klang Valley.
- <i>Shamshul Anaz Kassim</i> | 142 |
| xi) | Kesan Pemakanan Terhadap Tumbesaran Dan Pengeluaran Telur ayam Katik, <i>Gallus sp.</i>
- <i>Mohd Azlan Mohd Ishak, Said Hamid, Baharuddin Salleh, Abd. Rahman Sabot</i> | 158 |
| xii) | A Case Study On The Performance Of Bachelor Of Accountancy (Hons) Students Of UiTM Kampus Arau.
- <i>Normah Ahmad, Roselina Amirulddin, Wan Madihah Wan Zakiuddin, Azura Mohd Noor</i> | 164 |
| xiii) | Lampiran – Prosiding Jurnal Intelek | 170 |



Kata-Kata Aluan
**PENGARAH KAMPUS
UITM PERLIS**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana UiTM Perlis telah berjaya menerbitkan Jurnal Intelek yang merupakan dokumentasi hasil kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan di kampus ini. Tidak syak lagi berdasarkan penulisan yang dihasilkan, UiTM Perlis mampu menjalankan banyak kerja-kerja penyelidikan untuk manfaat bersama.

Penerbitan jurnal ini juga diharapkan dapat menyemarakkan lagi budaya penyelidikan dan penulisan di kalangan kakitangan akademik UiTM Perlis.


Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan UiTM Perlis di atas daya usaha menerbitkan jurnal ini. Semoga jurnal ini akan menjadi sumber rujukan sesuai dengan peranan UiTM Perlis sebagai pusat ilmu di utara semenanjung ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ahmad Redzuan".

PROF MADYA DR. AHMAD REDZUAN ABD RAHMAN
Pengarah Kampus
UiTM Perlis



Kata-Kata Aluan

KETUA UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP) UiTM PERLIS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya mencatatkan sepathah dua kata di dalam Jurnal Intelek, UiTM Perlis.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Kampus UiTM Perlis iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman, para pengurusan kanan, AJK-AJK UPP terutamanya para AJK Unit Penulisan dan Penerbitan kerana dengan inisiatif yang tidak berbelah bahagi, maka UPP dapat menghasilkan Jurnal Intelek yang dinanti-nantikan.

Justeru, dengan adanya kelahiran Jurnal Intelek ini hatta para pensyarah dapat sama-sama berkongsi idea dan maklumat bagi menyemarakkan lagi budaya ilmu, perundingan, penyelidikan, penulisan dan seminar.

Maka dengan adanya Jurnal Intelek ini akan dapat membekal, menyediakan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang sesuai dengan kehendak perkembangan dunia ICT dan negara.

Akhir kata, saya berharap para pensyarah dapat menyemai idea-idea yang bernalas dan berguna untuk membimbing masyarakat dan pembangunan negara.

Sekian. Salam hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mahadzir". It is written in a cursive style with a long horizontal stroke at the bottom.

PROF. MADYA DR. MAHADZIR HJ. DIN
Ketua Unit Penyelidikan & Perundingan
UiTM Perlis

**UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP)
UiTM PERLIS**

SIDANG REDAKSI BIL 1/2003

Penaung

Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman
- Pengarah Kampus, UiTM Perlis

Ketua Unit Penulisan dan Penerbitan (UPP)

Prof. Madya Dr. Mahadzir Hj. Din

AJK Unit Penulisan dan Penerbitan (UPP)

Fakhrul Hazman Yusof (Ketua)
Shamshul Anaz Kassim
Fazmawati Zakaria
Zahrullaili Ahmad Zakaria

Penyunting

Fakhrul Hazman Yusof
Shamshul Anaz Kassim
Fazmawati Zakaria

Penolong Penyunting

Hilwani Hariri
Jasmani Bidin
Muhamad Abd Razak
Nor Arzami Othman
Rudzah Lebai Talib
Sarina Muhamad Noor
Yazid Mohd Esa
Azizan Kassim

*UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP)
UITM PERLIS*

JAWATANKUASA INDUK UPP BIL 1/2003

Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd. Rahman (Pengarah Kampus)
Prof. Madya Dr. Mahadzir Hj. Din (Ketua UPP)
Prof. Madya Dr. Qamaruzaman Hj. Wan Yusof (TP HEA)
Prof. Madya Dr. Hamidi Abd. Hamid (TP HEP)
Prof Madya Alias Ramli
Prof. Madya Dr. Mat Saad Abdullah

AHLI JAWATANKUASA UPP BIL 1/2003

Ust. Abd Aziz Harjin
Azizan Kassim
Bahijah Md Hashim
Fakhrul Hazaman Yusof
Fazmawati Zakaria
Hilwani Hariri
Jasmani Bidin
Khairul Anuar Sedek
Muhamad Abd Razak
Nordin Muhamad
Nor Arzami Othman
Rudzah Lebai Talib
Sarina Muhamad Noor
Shamshul Anaz Kassim
Shahrizal Hasan
Yazid Mohd Esa
Zailuddin Ariffin
Hjh. Azmahton Dato' Hj. Seroji

**KERTAS
KONSEP**

KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

Ahmad Sabri b. Osman
Pusat Pendidikan Islam
Universiti Teknologi Mara
Kampus Arau, Perlis.

ABSTRAK

Artikel ini cuba membincangkan tentang konsep Pendidikan Islam yang di dalamnya merangkumi erti pendidikan dan Pendidikan Islam, kedudukan, dasar dan tujuan serta kandungan Pendidikan Islam. Kajian ini mendapati bahawa pendidikan Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan manusia yang baik kerana ia mengajar manusia mengenali erti kemanusiaannya.

PENGENALAN

Allah s.w.t. telah mengutuskan para rasul untuk membimbing manusia ke jalan yang lurus. Mereka membawa risalah-Nya sebagai panduan dan petunjuk bagi manusia. Walau bagaimanapun, keistimewaan dan kelebihan yang diberikan ke atas setiap rasul itu berbeza antara satu sama lain sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Rasul-rasul itu Kami lebukkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu) ... **

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 253.

Nabi Muhammad s.a.w. dipilih oleh Allah s.w.t. sebagai rasul yang terakhir untuk menyampaikan risalah Islam ke seluruh alam. Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. bukan setakat agama untuk menyembah Allah s.w.t. semata-mata tetapi ia juga merupakan suatu peraturan yang menyeluruh yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Dia telah menjadikan rasul-Nya itu sebagai contoh ikutan yang terbaik untuk diikuti oleh setiap Muslim dalam segenap aspek kehidupan mereka.¹

Islam merupakan al-din yang syumul dan sempurna. Ia sebagai sistem yang merangkumi seluruh aspek kehidupan insan seperti politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Kesempurnaan ini diakui oleh Allah s.w.t. sebagaimana firman-Nya di dalam ayat yang terakhir yang diturunkan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah rid'a akan Islam itu menjadi agama untuk kamu...

Terjemahan surah al-Ma'idah (5): 3.

Salah satu aspek terpenting di dalam ajaran Islam ialah pendidikan. Peranan pendidikan memang tidak dapat dinafikan sebagai suatu saluran yang dapat menyumbang kepada kemajuan manusia dan pembangunan negara secara keseluruhannya. Rasulullah s.a.w. bukan sahaja sebagai rasul untuk menyampaikan risalah Islam tetapi lebih dari itu sebagai pendidik untuk membentuk akhlak yang mulia sebagaimana Hadith yang disabdarkan oleh baginda Rasulullah s.a.w.:²

* Semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada terjemahan dan penjelasan oleh Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmele, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* (2000), c. 16, K.Lumpur: Dar al-Fikr.

¹ Sa'id Hawwa (1988), *al-Rasul Sallallahu 'Alaihi wa Sallam*, Beirut: Dar 'Ammar, h. 115.

² Malik b. Anas (1991), *al-Muwatta'*, j. 2, Kitab al-Jami', Bab Ma Ja'a fi Husn al-Khuluq, no. hadith 1885, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 75.

بُعثْتُ لِأَنَّمَا حُسْنَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Dalam konteks Hadith di atas, dapat difahami bahawa segala kewajipan yang dituntut ke atas setiap Muslim adalah diarahkan kepada pembentukan akhlak yang mulia. Justeru itu, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting di dalam melahirkan manusia yang bertamadun dan berakhlaq mulia. Sekolah yang pertama yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. yang mana baginda merupakan gurunya telah berjaya mengubah Arab Jahiliah menjadi seorang Muslim. Lebih dari itu, Islam yang dibawa oleh baginda seolah-olah telah menjadikan orang Arab itu sebagai makhluk yang baru diciptakan.³

Antara pendidikan dan kehidupan amat berkait rapat antara satu sama lain. Jika pendidikan itu bermutu dan sempurna, ia akan menghasilkan suatu kehidupan yang berkualiti dan harmoni tetapi jika sebaliknya, kehidupan manusia akan menjadi pincang, huru-hara, gawat dan sebagainya. Proses pendidikan merupakan usaha untuk memupuk dan memperkembangkan seluruh potensi manusia iaitu emosi, intelek, rohani dan jasmani. Perkembangan keempat-empat fakulti utama manusia itu perlu dilakukan secara menyeluruh, seimbang dan sepada bagi melahirkan manusia yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

ERTI PENDIDIKAN

Menurut pakar dalam bidang pendidikan, Prof. Dr. Hasan Langgulung, pendidikan sebenarnya ditinjau dari dua segi. Pertama dari segi kemasyarakatan dan kedua dari segi individu. Dari segi kemasyarakatan, pendidikan bererti warisan kebudayaan daripada generasi tua kepada generasi muda agar hidup masyarakat tetap berlanjutan atau dengan kata lain, masyarakat mempunyai nilai-nilai budaya (seperti nilai intelektual, seni, politik, ekonomi dan lain-lain) yang ingin disalurkan dari satu generasi ke satu generasi agar identiti masyarakat tersebut tetap terpelihara.⁴ Dari segi individu pula, pendidikan bererti pengembangan potensi-potensi pada diri manusia yang terpendam dan tersembunyi. Individu itu umpama lautan dalam yang penuh dengan mutiara dan bermacam-macam ikan dan hidupan tetapi tidak kelihatan. Semuanya masih berada di dasar laut yang perlu dipancing dan digali supaya dapat menjadi makanan dan perhiasan bagi manusia. Jadi, pendidikan dari segi individu adalah menggarap kekayaan yang terdapat pada setiap individu agar ia dapat dinikmati oleh individu dan seterusnya oleh masyarakat.⁵

Pendidikan dalam pengertian yang luas meliputi hampir semua bidang aktiviti manusia iaitu daripada yang paling sederhana hingga kepada aktiviti yang kompleks. Ia mencakupi pelbagai bidang yang sama luasnya dengan tamadun manusia seperti politik, ekonomi, falsafah, seni dan sebagainya. Pendidikan dalam pengertian yang sempit pula hanya meliputi proses pendidikan.⁶ Secara umumnya, pendidikan adalah suatu proses perubahan tabiat atau kelakuan seseorang individu akibat daripada penyesalan terhadap pengalaman yang lalu.⁷

Pendidikan dalam makna yang lebih luas juga ialah sebarang proses yang dilalui oleh seseorang untuk mendapatkan ilmu atau maklumat melalui pemerhatian dan pemahaman ataupun dengan mengembangkan sikap dan kemahiran yang dimilikinya. Apabila pendidikan itu melalui proses pembelajaran yang teratur dan tersusun seperti di sekolah atau kolej maka ia dipanggil pendidikan secara formal. Manakala pendidikan tidak formal pula ialah apabila ilmu itu diperolehi melalui pengalaman setiap hari secara tidak dirancang atau tidak langsung. Contohnya melalui komunikasi

³ Ahmad Syalabi (1976), *Masyarakat Islam*, Muchtar Jahja (terj.), c. 2, Singapura: Pustaka Nasional, h. 11.

⁴ Hasan Langgulung (1997), *Asas-asas Pendidikan Islam*, c. 2, K. Lumpur: DBP, h. 3.

⁵ *Ibid.*, h. 4.

⁶ Mahayudin Hj. Yahaya (2001), *Tamadun Islam*, edisi ke-2, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., h.

312.

⁷ Ralf L. Ponnels and Robert L. Garretson (1967), *Principles of Modern Education*, New York: The Macmillan Co., h. 18.

dengan orang ramai dan media seperti buku, majalah, akhbar, gambar dan sebagainya.⁸ Dengan kata lain, pendidikan bukan hanya bererti penguasaan ilmu (*knowledge*) atau kemahiran (*skills*) tetapi juga mencakupi pengalaman-pengalaman yang didapati di luar institusi formal (sekolah).⁹

Fungsi pendidikan meliputi individu dan masyarakat. Dalam konteks kemasyarakatan, pendidikan dapat membantu setiap individu menjadi ahli masyarakat yang efektif dan berkesan dalam menyumbangkan tenaga atau idea untuk pembangunan masyarakat. Dalam konteks individu pula, ia membolehkan setiap insan meningkatkan produktiviti dan mencapai kepuasan dalam hidup dengan menyediakan mereka peluang-peluang untuk menempuh pengalaman-pengalaman baru dengan jayanya.¹⁰

Pendidikan dalam konteks perbincangan ini merupakan disiplin yang dihubungkan dengan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran samada di sekolah atau seumpamanya. Persekutaran merupakan contoh yang dikaitkan dengan kepelbagaiaan pendidikan tidak formal yang membentuk proses sosialisasi pendidikan. Sebagai contohnya ialah hubungan antara ibubapa dengan anak-anak mereka.¹¹

Perkataan pendidikan berasal dari perkataan *didik* iaitu pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan *ajar*.¹² Dalam bahasa Inggeris, ia disebut *upbringing* tetapi istilah yang paling popular ialah *education*.¹³ *Education* berasal dari bahasa Latin iaitu *educere* yang bererti memasukkan sesuatu, barangkali memasukkan ilmu ke dalam akal manusia.¹⁴ Dalam bahasa Arab, ia disebut *al-tarbiyyah*, iaitu nama terbitan bagi *rabba* yang bererti menyuruh, memelihara dan memimpin.¹⁵ Kaedah Bahasa Arab menyebut; “*rabba, yurabbi, rabban*”. Makna *rabba* ialah subur manakala *yurabbi* maknanya berkembang dan terjadi. *Rabban* pula diertikan dengan membaiki, memberi tugas, mentadbir, menjaga dan memelihara terhadapnya.¹⁶

Terdapat juga pendapat lain yang menyebut *al-tarbiyyah* pada asalnya membawa makna pertambahan, perkembangan dan ketinggian. Ia diambil dari perkataan *rabba* yang antara maknanya ialah memimpin, mentadbir dan memperbaiki (*islah*). Perkataan itu juga diberi erti sebagai membangun sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan.¹⁷ Kalimah *rabba* memberi dua konotasi iaitu Tuhan dan yang mendidik alam. Apa yang terkandung dalam pengertian alam ialah makhluk-makhluk Allah yang dijadikan oleh Allah s.w.t. dan Allah menjadikannya bukan dengan sia-sia.¹⁸

Selain daripada perkataan *tarbiyyah*, ada dua istilah lagi yang biasa digunakan untuk pendidikan iaitu *ta'lim* dan *ta'dib*. Perkataan *ta'lim* berdasarkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

⁸ *The Encyclopedia Americana* (1961), v. 9, USA: Americana Corporation, h. 592.

⁹ Muhammad Kamal Hassan (1979), “Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Umat” (Kertas kerja Seminar Islam Peringkat Negeri Sarawak, 31 Mac – 4 April 1979), h. 9.

¹⁰ Mahayudin Hj. Yahaya (2001), *op.cit.*, h. 312.

¹¹ *The New Encyclopaedia Britannica* (1986), v. 4, 15th. Edition, Chicago: The University of Chicago, h. 372.

¹² *Ibid.*, h. 303.

¹³ Hans Wehr (1976), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, J. Milton Cowan (ed), third edition. New York: Spoken Language Services, Inc., h. 324.

¹⁴ Hasan Langgulung (1997). Asas-asas Pendidikan Islam. *op.cit.*, h. 5.

¹⁵ Muhammad Idris ‘Abd al-Ra’uf al-Marbawi (t.t.). *Kamus al-Marbawi*, c. 4, Singapura: Pustaka Nasional, h. 232.

¹⁶ ‘Abd al-Rahman al-Bahi (1983). *al-Madkhil ila al-Tarbiyyah fi Daw'i al-Islam*, c. 2, t.t.p.: Maktabah al-Islam, h. 7.

¹⁷ Wan Zahidi Wan Teh (1986), *Identiti dan Kandungan Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 1.

¹⁸ Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah, h. 20.

...Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya...

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 31.

Perkataan *tarbiyyah* pula berdasarkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan hendaklah engkau merendah menghinakan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhan! Cucurkanlah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencucurkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil".

Terjemahan surah al-Isra' (17): 24.

Perkataan *ta'dib* juga digunakan untuk maksud pendidikan seperti sabda Rasulullah s.a.w.:¹⁹

أَلَّا يَنْهَا رَبُّكَ فَلَحْسَنَ تَدْبِيْنِي

Maksudnya:

Tuhanku telah mendidikku dan dengan demikian menjadikan pendidikanku yang terbaik.

Dalam tradisi Islam, perkataan *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib* yang bererti pendidikan, pembelajaran dan pembentukan budi pekerti telah digunakan sejak zaman awal lagi. Ketiga-tiga perkataan bahasa Arab tersebut juga dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Meskipun setiap perkataan itu mempunyai pengertian yang tersendiri, tetapi dalam konteks pendidikan, tiap-tiap perkataan tersebut adalah saling kait-mengait antara satu sama lain.²⁰

Walaupun ketiga-tiga istilah tersebut boleh digunakan dengan pengertian yang sama, namun Syed Muhammad Naquib al-Attas mempunyai pandangan yang berbeza. Menurut beliau, istilah *tarbiyyah* bukanlah istilah yang tepat dan benar untuk memberi maksud pendidikan menurut pengertian Islam. Ini kerana istilah tersebut tidak membawa gagasan yang sebenar tentang pendidikan dan segala yang terlibat dalam proses pendidikan. Istilah yang paling tepat ialah *ta'dib*.²¹ *Ta'dib* merupakan kata terbitan dari perkataan *addaba* yang mana Ibn Manzur menyamakkannya dengan *'allama*.²² Konsep adab dan ilmu sangat berhubung erat antara satu sama lain sebagaimana di dalam Hadith di atas. Jika kita mengatakan bahawa tujuan ilmu adalah untuk menghasilkan manusia yang baik, maka penekanan pada adab yang mencakupi amal dan proses dalam pendidikan adalah untuk menjamin bahawasanya ilmu dipergunakan secara baik di dalam masyarakat. Kerana alasan inilah, maka cendikiawan Islam terdahulu menggabungkan antara ilmu, amal dan adab sebagai kombinasi yang paling harmoni untuk pendidikan.²³

Menurut al-Attas, *tarbiyyah* tidak bermaksud pendidikan mahupun proses pendidikan. Ia lebih condong kepada kasih sayang (*al-rahmah*) dan bukannya pengetahuan (*'ilm*). Istilah *rabbayani* (dlm. Surah al-Isra' (17):24) mempunyai erti "*al-rahmah*" iaitu keampunan atau kasih sayang dan tidak melibatkan ilmu pengetahuan. Ia memberi erti pemberian makanan dan kasih sayang, pakaian, tempat berteduh dan rawatan perubatan.²⁴ Apabila dikatakan Tuhan yang menciptakan, memelihara, menjaga,

¹⁹ Al-Manawi, Mustafa Muhammad 'Imarah (1954), *al-Jami'* *al-Saghir*, juz. 1, Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi., h. 21.

²⁰ Faisal Hj. Othman (1991), "Pendidikan Islam: Konsep Dan Realiti", dlm. Ismail Abdul Rahman, Mohd Nasir Omar (pylg). *op.cit.*, h. 79.

²¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1985), *Islam, Secularism And The Philosophy Of The Future*, London and New York: Mansell Publishing Limited, h. 173.

²² Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-'Arab*, j. 1, Beirut: Dar Sadir, h. 206.

²³ Al-Attas, *op.cit.*, h. 186.

²⁴ *Ibid.*, h. 191.

memberi, mengurus dan memiliki tindakan-tindakan yang menyebabkan Dia disebut sebagai *al-Rabb*, maka semuanya itu adalah tindakan *al-rahmah* atau kasih sayang. Apabila manusia melakukan tindakan itu kepada keturunannya, maka tindakan itu disebut *tarbiyyah* yang bermaksud membawa kesempurnaan kepada sesuatu secara beransur-ansur tetapi tidak melibatkan pengetahuan. Sementara dalam kes *ta'dib*, pengetahuan lebih ditonjolkan daripada kasih sayang.²⁵ Ilmu pengetahuan berbeza dengan kasih sayang. Ini ternyata dari firman Allah s.w.t. (maksudnya):

...Wahai Tuhan kami! Rahmat-Mu dan ilmu-Mu meliputi segala-galanya...

Terjemahan surah al-Mu'min (40): 7.

Istilah *ta'dib* sudah mencakupi unsur-unsur pengetahuan (*'ilm*), pengajaran (*ta'lim*) dan pengasuhan yang baik (*tarbiyyah*). Oleh kerana itu tidak perlu lagi menyebutkan *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib* sekaligus sebagai konsep pendidikan dalam Islam kerana *ta'dib* sahaja sudah tepat untuk memberi maksud itu.²⁶

Penulis tidak berhasrat untuk memanjangkan perbahasan tentang perbezaan pendapat dari segi istilah-istilah tersebut kerana yang lebih penting ialah kita meninjau erti pendidikan menurut pakar-pakar pendidikan. Sayyid Sabiq dalam bukunya *Islamuna* berpendapat pendidikan mempunyai pengertian mempersiapkan anak-anak dari sudut jasmani, akal dan jiwa sehingga ia mampu menjadi anggota masyarakat yang bersemangat bagi dirinya dan umat manusia seluruhnya.²⁷

Ahmad Fu'ad al-Ahwani dalam bukunya *al-Tarbiyyah fi al-Islam* berpendapat pendidikan adalah memindahkan kebudayaan dari satu generasi kepada generasi berikutnya.²⁸ Manakala Prof. Khursyid Ahmad dalam bukunya *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam* pula menyatakan pendidikan ialah satu proses bagi sesebuah negara itu menanam dan memupuk kesedaran dan keinsafan jiwa dan juga rakyatnya. Di dalam proses ini tersedia latihan-latihan untuk generasi muda mendapat kepandaian dan kemahiran dalam lapangan mereka.²⁹

Pendidikan juga bermaksud pertumbuhan yang seimbang seluruh keperibadian seseorang manusia melalui latihan rohani, intelek, diri rasional dan deria jasmani seseorang manusia. Oleh itu pendidikan seharusnya menyediakan pertumbuhan manusia dalam semua aspek: kerohanian, intelek, imaginasi, jasmani, sains, bahasa, secara individu dan jamaah dan menggalakkan ke semua aspek ini terhadap kebaikan dan pencapaian kesempurnaan.³⁰

Pendidikan dalam ertiannya yang luas bermakna merubah dan memindahkan nilai kebudayaan kepada setiap individu dalam masyarakat.³¹ Dari sini dapat difahami bahawa pendidikan itu dapat melalui bermacam-macam proses tetapi pada dasarnya berdasarkan kepada proses pemindahan nilai sesuatu masyarakat kepada setiap individu yang ada di dalamnya. Proses pemindahan nilai-nilai budaya itu melalui pelbagai jalan. Menurut Hasan Langgulung,³² antaranya melalui:

- a) **Pengajaran;** Pengajaran bererti pemindahan pengetahuan atau *knowledge*. Pendidikan seseorang yang mempunyai pengetahuan kepada orang lain yang belum mengetahui. Ini

²⁵ *Ibid.*, h. 192.

²⁶ *Ibid.*, h. 194.

²⁷ Sayyid Sabiq (1956). *Islamuna*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 237.

²⁸ Dr. Ahmad Fu'ad al-Ahwani (1968), *al-Tarbiyyah fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, h. 19.

²⁹ Prof. Khursyid Ahmad (1975), *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*, c. 2, K.Lumpur: Biro Pendidikan dan Pelajaran ABIM, h. 5.

³⁰ S.S. Husain & S.A. Ashraf (1989), *Krisis Dalam Pendidikan Islam*, Maso'od Abdul Rashid (terj.), K.Lumpur: DBP., h. 51-52.

³¹ Hasan Langgulung, Pendidikan Islam-Suatu Analisa Sosio-Psikologikal, *op. cit.*, h. 3.

³² *Ibid.*, h. 4.

bermakna bahawa pengajaran itupun sangat luas erti, tidak hanya terbatas di dalam bilik darjah sahaja tetapi boleh berlaku di mana-mana samada di sekolah, rumah, kedai, padang permainan dan sebagainya.

- b) **Latihan;** Latihan bermakna seseorang membiasakan diri di dalam melakukan pekerjaan tertentu untuk memperoleh kemahiran di dalam pekerjaan tersebut. Contohnya berlatih menaip, memandu kereta, bermain bola sepak dan sebagainya.
- c) **Indoktrinasi;** Iaitu proses yang melibatkan seseorang meniru atau mengikut apa yang diperintahkan oleh orang lain. Maka proses indoktrinasi ini banyak bergantung kepada orang yang mengeluarkan perintah yang patut ditiru oleh orang-orang yang menjalankan perintah tersebut. Biasanya perintah itu tidak perlu disoal lagi, cukup hanya diikuti dan dilaksanakan sahaja. Kalau kita mengkaji masyarakat, baik primitif ataupun moden, kita akan dapat bahawa ketiga-tiga proses ini berjalan serentak.

Dariuraian di atas dapat disimpulkan bahawa fungsi pendidikan dalam mana-mana masyarakat baik primitif ataupun moden ialah memindahkan nilai-nilai budaya sesuatu masyarakat kepada setiap individu yang terdapat di dalamnya. Jadi apabila membincangkan masalah pendidikan sesuatu bangsa, tidak dapat tidak akan membawa kita kepada perbincangan masalah budaya bangsa itu sendiri.

Menurut Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah dalam bukunya *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, pendidikan adalah proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk membentuk keperibadian yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidupnya.³³

Kesimpulannya istilah pendidikan mempunyai pengertian yang luas dan pelbagai. Keluasan dan kepelbagaiannya itu mempunyai rahmatnya yang tersendiri. Perbezaan pendapat itu akan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dan para pengkaji terkemudian akan dapat membuat suatu perbandingan dan seterusnya menarik kesimpulan tentang erti pendidikan. Semua pengertian yang dikemukakan di atas dapat disimpulkan bahawa pendidikan ialah suatu proses pertumbuhan seseorang individu, samada jasmani, rohani, intelek maupun emosinya melalui pemindahan nilai-nilai budaya kepada setiap individu dalam masyarakat melalui suatu generasi ke generasi yang berikutnya serta melatihnya ke arah tujuan tertentu bagi mencapai kesempurnaan dalam hidupnya.

ERTI PENDIDIKAN ISLAM

Islam dari segi bahasa berasal dari perkataan *aslama* yang bererti tunduk, patuh dan menyerah diri.³⁴ Dari segi istilah pula ialah penyerahan diri kepada Allah s.w.t. di dalam melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya berdasarkan petunjuk wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Maka, sesiapa yang menyerahkan wajah, hati dan anggotanya kepada Allah dalam setiap perkara, dia adalah Muslim. Sebaliknya, tanpa ketundukan dan penyerahan diri kepada Allah dalam melaksanakan hukum-Nya, dia bukanlah seorang Muslim.³⁵ Firman Allah s.w.t. (maksudnya):

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka tidak pula merasa di dalam hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

Terjemahan surah al-Nisa' (4): 65.

³³ Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, K.Lumpur: ABIM, h. 43.

³⁴ Fu'ad Ifram al-Bustani (1986), *Munjid al-Tullab*, c. 3, Beirut: Dar al-Masyriq, h. 333. Lihat juga Prof. H. Mahmud Yunus (1972), *Kamus Arab-Indonesia*, Klang: Klang Book Centre, h. 177.

³⁵ Sa'id Hawwa (1988), *al-Islam*, Beirut: Dar 'Ammar, h. 10.

Islam adalah agama rasul-rasul dan nabi-nabi sejak daripada Nabi Adam 'a.s. hingga nabi yang terakhir iaitu Nabi Muhammad s.'a.w.³⁶ Dengan demikian, Islam ialah agama kepada dunia seluruhnya, kepada semua umat manusia, melangkaui sempadan-sempadan masa, tempat dan keadaan. Sebab itulah Islam tidak dinamakan mengikut nama Nabi Muhammad atau *Muhammadanisme* sebagaimana *Buddhisme* daripada Buddha, Kristian daripada Jesus Christ dan *Zoroastrianisme* daripada Zoroaster. Islam bukan agama pengenalan kepada satu-satu kelompok bangsa tertentu seperti *Arabisme*, *Malaysisme*, *Chinisme* atau sebagainya sebagaimana *Judaisme* kepada orang Yahudi (Jews). Islam juga bukan ciptaan Muhammad s.'a.w. tetapi agama ciptaan Allah. Sebab itulah jika *isme* hendak dipadankan dengan Islam maka Islam lebih tepat untuk dikatakan sebagai agama *Allahisme*.³⁷

Islam merupakan agama penjamin sepenuhnya bagi menyelamatkan manusia dan mengeluarkan mereka daripada pelbagai bentuk ujian kebendaan yang tidak sihat. Islam juga merupakan ubat segala macam penyakit, hidayat, petunjuk kesesatan dan peraturan yang dapat menyelamatkan dan membahagiakan hidup manusia.³⁸

Pendidikan Islam secara umumnya ialah pendidikan yang berasaskan kepada ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.'a.w. bagi membentuk akal dan hati, rohani dan jasmani, zahir dan batin sesuai dengan tuntutan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia adalah konsep-konsep yang bertalian antara satu sama lain dalam rangka fikiran yang satu yang bersandar pada prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang dibawa oleh Islam. Ia telah menentukan berbagai-bagai prosedur dan cara-cara praktikal yang kalau dilaksanakan oleh manusia akan bertingkah laku sesuai dengan akidah Islam.³⁹

Setelah kita berbicara tentang erti pendidikan, maka penulis akan menyentuh pula tentang erti pendidikan Islam. Menurut kaca mata Islam, pendidikan diertikan sebagai proses mendidik dan melatih syaksiah, jasmaniah dan rohaniah manusia berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah semata-mata.⁴⁰ Pendidikan Islam meliputi tiga bidang utama:

- a) Pendidikan ruh. Ia disebut juga pendidikan jiwa atau spiritual.
- b) Pendidikan akal
- c) Pendidikan jasmani yang termasuk di dalamnya pendidikan kesihatan dan kekuatan.⁴¹

Drs. Ahmad D. Marimba dalam bukunya *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam* mentakrifkan pendidikan Islam sebagai bimbingan rohani dan jasmani berdasarkan hukum-hukum agama Islam menuju kepada terbentuknya keperibadian utama menurut ukuran-ukuran Islam.⁴²

Menurut Dr. Muhammad 'Atiyyah al-Abrasyi, pendidikan Islam bukan sahaja memenuhi otak anak-anak yang dididik dengan segala macam ilmu pengetahuan yang belum mereka ketahui tetapi juga mendidik akhlak dan jiwa manusia, menanam rasa keutamaan (*fadilah*), membiasa dan

³⁶ Sa'id Hawwa (1987), *al-Islam*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 3.

³⁷ Mohd Nasir bin Omar (1991), "Islam Dan Pembangunan Sepadu: Konsep Dan Perspektif" dlm. Ismail Abdul Rahman, Mohd Nasir Omar (pylg). *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, K.Lumpur: DBP, h. 107-108.

³⁸ Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri (1981), *'Aqidah al-Mu'min*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Salafiyyah, h. 25.

³⁹ Dr. Said Ismail Ali (1981), "Punca-punca Pendidikan Islam" dlm. Hasan Langgulung, *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*, K.Lumpur: Pustaka Antara, h. 175.

⁴⁰ Abdul Halim El-Muhammady (1984), "Pendidikan Islam: Skop dan Matlamatnya", *Jurnal Pendidikan Islam*, thn. 1, bil. 1, K.Lumpur: ABIM.

⁴¹ H. Zainal Abidin Ahmad (1976), *Memperkembangkan dan Mempertahankan Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 119.

⁴² Drs. Ahmad D. Marimba (1964), *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*, c. 2, Bandung: al-Ma'arif, h. 19.

mempersiapkan diri dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan diri untuk sesuatu kehidupan yang suci seluruhnya, ikhlas dan jujur.⁴³

Menurut Prof. Dr. Hasan Langgulung, pendidikan Islam merupakan konsep-konsep yang bertalian antara satu sama lain di dalam fikiran yang satu yang bersandarkan prinsip-prinsip yang dibawa oleh Islam yang telah menentukan berbagai-bagai prosedur dan cara-cara praktikal yang jika dilaksanakan oleh manusia, maka manusia akan berakhlik sesuai dengan akidah Islam.⁴⁴

Menurut Dr. Abdul Halim, pendidikan Islam adalah proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk mencapai tujuan membentuk manusia Muslim berdasarkan ajaran-ajaran Islam.⁴⁵

Menurut Muhammad Salih Samak dalam bukunya *Ilmu Pendidikan Islam*, pendidikan Islam lebih umum daripada pengajaran Islam; iaitu pendidikan yang berdasarkan tajuk-tajuk dan kajian-kajian asas yang meliputi ayat al-Qur'an, al-Hadith dan juga akidah ketuhanan, mu-amalat, urusan peribadi manusia, tata susila dan ajaran akhlak.⁴⁶

Pendidikan Islam juga bermaksud satu proses pengembangan dan peningkatan bakat-bakat semulajadi manusia dengan cara yang seimbang melalui pembentukan iman, ilmu, akhlak dan amal yang salih dalam bentuk yang bersepadu.⁴⁷ Ia adalah proses mendidik, membentuk dan melatih individu dalam pelbagai aspek samada jasmani, rohani, akal, perasaan, akhlak dan kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang baik, bertaqwa, berakhlik mulia, berpengetahuan, berkemahiran dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.⁴⁸

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini adalah tidak menyimpang jauh daripada apa yang telah dibentangkan di atas di mana pendidikan Islam ialah pendidikan yang berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan Islam itu ialah agama Allah s.w.t. yang diamanahkan kepada Rasulullah s.a.w. untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia bagi membentuk dan menyempurnakan akhlak yang mulia.

KEDUDUKAN PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Kedudukan pendidikan dalam Islam amat jelas apabila dilihat kepada ayat pertama yang diturunkan iaitu ayat 1-5 Surah *al-'Alaq*. Perkataan *Iqra'* yang bererti "bacalah" memerintahkan supaya Nabi Muhammad s.a.w. mempelajari ilmu pengetahuan kerana ilmu akan diperolehi dengan banyak membaca malah pembacaan adalah pintu kepada ilmu dan alat terpenting kepada proses pendidikan.

Kepentingan pendidikan untuk pertumbuhan individu dan masyarakat memang tidak boleh dinafikan. Kita semua bersetuju bahawa pendidikan merupakan pelaburan untuk menumbuhkan sumber-sumber manusia yang tidak kurang nilainya dari pelaburan untuk pertumbuhan sumber-sumber material.⁴⁹ Maulana Sayyid Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1914-1999) ketika menyebut tentang kepentingan pendidikan ini mengajak seluruh umat Islam supaya kembali menghayati ajaran Islam. Menurut

⁴³ Muhammad 'Atiyyah al-Abrasyi (1970), *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*. Prof. H. Bustami, A. Ghani & Johan Bakri (terj.), Jakarta: Bulan Bintang, h. 15.

⁴⁴ Hasan Langgulung (1981), *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. K.Lumpur: Pustaka Antara, h. 175.

⁴⁵ Abdul Halim Hj. Mat Diah, *op.cit.*, h. 44.

⁴⁶ Muhammad Salih Samak (1993), *Ilmu Pendidikan Islam*, Wan Amnah Yaakob, Saedah Suhaimi & Ahmad Ismail (terj.), K.Lumpur: DBP., h. 1.

⁴⁷ Dr. 'Abd al-Jawwad al-Sa'id Bakr (1983). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah fi al-Hadith al-Syarif*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 170-171.

⁴⁸ Muhammad Kamal Hassan (1988). *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, K.Lumpur: Nurin Enterprise, h. 57.

⁴⁹ Hasan Langgulung, Asas-asas Pendidikan Islam, *op.cit.*, h. 36.

beliau, susunan pendidikan di dunia Islam mesti disusun semula berdasarkan suluhan cahaya ajaran Islam...mempelajari dari negara Barat dalam sains dan teknologi adalah satu perkara, tetapi apabila sahaja kaum muslimin melupai bahawa akar umbi kekuatan mereka berada dalam Islam dan mereka menjadi pengikut-pengikut khemah orang lain dari segi keintelektualannya, tenaga-tenaga kreatif mereka menjadi terhalang. Zaman dahulu, kepimpinan intelektual muslimin diterima di seluruh dunia, budaya dan ilmu pengetahuan mereka berkembang dalam setiap bidang kehidupan manusia di seluruh dunia. Buat masa yang lama, dunia terus menerus berfikir secara Islam dan mendapat inspirasi daripada kehidupan cara Islam...⁵⁰

Pentingnya pendidikan dalam Islam boleh dilihat dari dua segi iaitu segi kedudukan ilmu pengetahuan dalam Islam dan segi kedudukan akal dalam Islam.⁵¹ Islam amat memandang tinggi kepada ilmu pengetahuan kerana dengan ilmu pengetahuan, sesuatu bangsa dan umat akan maju. Ilmu pengetahuan merupakan alat yang penting bagi mencapai kemajuan dan kebahagiaan baik rohani mahupun jasmani. Hal ini dapat disaksikan bagaimana negara-negara Barat dapat mencipta alat-alat moden bagi keperluan hidup manusia. Semuanya adalah berkat kemajuan mereka dalam bidang sains dan teknologi.⁵²

Banyak ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi yang memberikan rangsangan kepada umat Islam supaya menjadi orang yang berilmu pengetahuan. Antaranya ialah seperti firman Allah s.w.t. (maksudnya):

...Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Terjemahan surah al-Zumar (39): 9.

Firman-Nya lagi (maksudnya):

...supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan (Allah meninggikan) orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat...

Terjemahan surah al-Mujadalah (58): 11.

Firman-Nya lagi (maksudnya):

...Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu...

Terjemahan surah Fatir (35): 28.

Rasulullah s.a.w. pula bersabda dalam satu Hadith yang berbunyi:⁵³

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya:

⁵⁰ Sayyid Abu al-Hasan Ali al-Nadwi (1961), Islam and The World, Muhammad Asif Qidwa'i (terj.), dipetik daripada Muhammad Uthman El-Muhammady (2000), "Pendidikan Islam Menurut al-Nadwi: Satu Analisis", *Jurnal Usuluddin*, bil. 11, K.Lumpur: Bah. Peng. Usuluddin, APIUM, Julai 2000, h. 103-104.

⁵¹ Abdul Halim Hj. Mat Diah, *op.cit.*, h. 27.

⁵² *Ibid.*

⁵³ Al-Bukhari (t.t.), *Sahih al-Bukhari bi Hasyiyah al-Sindi*, j.1, Kitab al-'Ilm, Bab al-'Ilm qabl al-Qawl wa al-'amali, t.t.p:Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 24. Lihat juga Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah (t.t.), *al-Jami' al-Sahih - Sunan al-Tirmidhi*, tahqiq Ibrahim 'Utwah, j. 5, Kaherah: Dar al-Hadith, h. 28. Lihat juga Muhammad Nasir al-Din al-Albani (1986), *Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih "al-Fath al-Kabir"*, j. 2, c.2, no. hadith 6297/6298, Beirut: al-Maktab al-Islami, h. 1079.

Barangsiapa melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu nescaya Allah permudahkan baginya jalan menuju Syurga.

Sabda-Nya lagi:⁵⁴

طلبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَىٰ كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

Memuntut ilmu itu adalah wajib ke atas setiap orang Islam

Demikianlah beberapa potong ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang menyebutkan tentang tingginya kedudukan orang yang berilmu di dalam Islam. Maka diharapkan umat Islam berlumba-lumba untuk mencari ilmu pengetahuan hingga ke akhir hayat. Sesungguhnya persoalan mengenai ilmu dan pendidikan di dalam Islam tidak pernah terhenti dalam kehidupan manusia malah ianya bererus semenjak hayat manusia bermula hingga ia kembali kepada pencipta-Nya.

DASAR PENDIDIKAN ISLAM

Menurut Dr. Haron Din, pendidikan adalah sesuatu yang mesti diasaskan di atas asasnya yang betul dan tepat. Ia hendaklah dihasilkan oleh bangsa itu sendiri untuk pendidikan bangsanya demi menjaga identitinya yang tersendiri. Dengan itu pertumbuhan agama dengan segala implikasinya dapat dikawal dan disuburkan dari masa ke semasa. Demikian juga sebaliknya, jika suatu bangsa itu terkenal dengan anti agamanya ataupun tidak beragama maka sudah pasti falsafah pendidikan agamanya menuju ke arah mewujudkan angkatan-angkatan yang dapat mempertahankan nilai-nilai tersebut.⁵⁵

Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah juga berpendapat bahawa dasar pendidikan sesuatu bangsa itu haruslah bersumber daripada dasar, cita-cita dan falsafah hidup bangsa itu sendiri. Bangsa Indonesiaumpamanya mempunyai dasar pendidikannya iaitu Pancasila yang merupakan falsafah hidup daripada bangsa Indonesia. Begitu juga dengan Malaysia di mana dasar pendidikannya adalah Rukunegara yang menjadi falsafah hidup bangsa Malaysia. Di Amerika Syarikat, dasar pendidikannya adalah demokrasi liberal dan begitulah seterusnya.⁵⁶

Oleh kerana itu, pendidikan Islam juga mempunyai dasar pendidikannya yang tersendiri. Dasar pendidikan Islam itu adalah selari dengan dasar ajaran Islam itu sendiri. Keduanya berasal dari sumber yang sama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Kemudian dasar tadi dikembangkan oleh para ulama dalam bentuk kias, ijmak, ijtihad dan tafsir yang menyeluruh dan terpadu tentang alam, manusia, masyarakat dan bangsa dengan merujuk kepada dua sumber asal iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Menjadikan kedua-duanya sebagai dasar pemikiran dalam membina sistem pendidikan bukan hanya dipandang sebagai kebenaran yang didasarkan kepada keyakinan semata-mata tetapi kebenaran yang telah dibuktikan oleh sejarah⁵⁷ sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t. (maksudnya):

Kitab al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya), ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 2.

⁵⁴ Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr al-Suyuti (1967), *al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Basyir wa al-Nadhir*, no. hadith 5264, Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabi, h. 194. Lihat juga Muhammad Nasir al-Din al-Albani (1986), *op.cit.*, no. hadith 3913, h. 727. Lihat juga Zaki al-Din 'Abd al-'Azim b. 'Abd al-Qawi al-Mundhiri (t.t.), *al-Targhib wa al-Tarhib*, j. 1, Kitab al-'Ilm, Bab al-Targhib fi al-'Ilm wa Talabih..., no. hadith 5, Kaherah: Maktabah Syabab al-Azhar al-Syarif al-Da'wah al-Islamiyyah, h. 54.

⁵⁵ Dr. Haron Din, *op.cit.*, h. 35.

⁵⁶ Abdul Halim Hj. Mat Diah, *op.cit.*, h. 45.

⁵⁷ Dr. Jalaluddin & Drs. Usman Said (1994), *Filsafat Pendidikan Islam-Konsep dan Perkembangan Pemikirannya*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 37.

Isi kandungan al-Qur'an telah mencakupi seluruh kehidupan manusia seperti prinsip-prinsip akidah, ilmu dan amal. Dengan adanya prinsip-prinsip ini, manusia akan lebih mengenali Tuhan-Nya, memahami fenomena alam dan diri sendiri serta menghayati cara hidup yang lebih baik.⁵⁸ Rasulullah S.A.W bersabda:⁵⁹

تَرَكْتُ فِيهِمْ شَيْئينَ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا كِتَابَ اللَّهِ وَ سُنْنَتِي

Maksudnya:

Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnahku (al-Hadith).

Oleh kerana itu dapatlah ditegaskan di sini bahawa dasar pendidikan Islam itu adalah bersumberkan kepada dua buah rujukan utama umat Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadith.

TUJUAN PENDIDIKAN ISLAM

Sebelum diuraikan tentang tujuan pendidikan di dalam Islam, elok rasanya dibentangkan terlebih dahulu tujuan pendidikan itu sendiri. Tujuan pendidikan menjalankan fungsi yang semuanya bersifat normatif. Pertama, untuk menentukan haluan bagi proses pendidikan iaitu ke arah manakah ditujukan usaha manusia mendidik generasi muda atau apakah corak manusia yang akan dihasilkan melalui pendidikan itu. Kedua, untuk merangsang dan mendorong seseorang supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai nilai-nilai murni dalam kehidupan. Ketiga, untuk menjadi kriteria dalam menilai proses pendidikan iaitu menilai pencapaian pendidikan itu samada berjaya atau tidak.⁶⁰

Apabila kita berbicara tentang tujuan pendidikan, ia berkait rapat dengan tujuan hidup manusia kerana pendidikan hanyalah suatu alat yang digunakan oleh manusia untuk memelihara kelanjutan hidupnya sebagai individu dan masyarakat.⁶¹ Ini menunjukkan ada kaitan antara tujuan pendidikan dengan tujuan hidup manusia yang mungkin disebut sebagai tujuan terakhir (*ultimate aim*). Tujuan inilah yang disebutkan oleh Allah S.W.T. (maksudnya):

Dan (ingatlah!) Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

Terjemahan surah al-Dhariyat (51): 56.

Jika ini tujuan hidup manusia, maka pendidikannya harus mempunyai tujuan yang sama iaitu mengembangkan fikiran manusia dan mengatur tingkah laku serta perasaan mereka berdasarkan Islam. Dengan demikian, tujuan akhir pendidikan Islam adalah merealisasikan perhambaan kepada Allah S.W.T. di dalam kehidupan manusia baik individu maupun masyarakat.⁶²

Sebahagian pakar pendidikan mengatakan bahawa tujuan akhir pendidikan Islam ialah perwujudan diri (sempurna kendiri). Maksud diri di sini ialah jiwa atau roh, bukan jasmani. Manakala perwujudannya pula ialah usaha meningkatkannya supaya sampai ke alam malakut agar ia dapat berhubung dengan Penciptanya iaitu Allah S.W.T.. Manusia mempunyai dua jenis jiwa; pertama, jiwa rendah iaitu selalu ingin bergelumang dengan kelazatan, kesedapan dan menderhaka. Kedua, jiwa tinggi, ia mengatasi cita-cita yang rendah dan hina, lebih suka kepada pengorbanan, mematuhi akal dan meninggikan akhlak. Jiwa yang kedua inilah yang ingin dicapai melalui pendidikan Islam.

⁵⁸ Zawawi Hj. Ahmad (1988), "Teras dan Falsafah Pendidikan", *Jurnal Pendidikan Islam*, thn. 2, bil. 2, h. 1.

⁵⁹ Al-Suyuti, *op.cit.* no. hadith 3282, h. 117. Lihat juga al-Albani. *op.cit.* j. 1, no hadith 2937, h. 566.

⁶⁰ Hasan Langgulung (1986). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. K.Lumpur: DBP.. h. 1.

⁶¹ Hasan Langgulung (1986). *Manusia dan Pendidikan - Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan*, Jakarta: Pustaka al-Husna, h. 55.

⁶² Abd. al-Rahman al-Nahlawi (1983). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibah*. c. 2, Damsyik: Dar al-Fikr, h. 108.

Dengan kata-kata lain, tujuan perwujudan diri dalam pendidikan Islam ialah perkembangan menyeluruh personaliti manusia dalam aspek-aspek rohaniah, psikologikal, intelektual dan jasmaniah.⁶³

Selain daripada itu, perbincangan tentang tujuan pendidikan juga memastikan kita berbincang tentang sifat-sifat asal (*nature*) manusia menurut pandangan Islam kerana manusia itulah yang menjadi matlamat pendidikan. Firman Allah s.w.t. (maksudnya):

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:

“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?” Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 30.

Berdasarkan kepada ayat di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa segala usaha untuk membentuk watak manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini maka itu juga termasuk tujuan pendidikan menurut pandangan Islam.⁶⁴

Seminar Pendidikan Islam Sedunia Yang Pertama di Makkah al-Mukarramah anjuran Universiti Raja Abdul Aziz telah bersetuju menggariskan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah untuk melahirkan manusia yang baik dan adil yang menyembah Allah s.w.t dalam erti yang sebenarnya, membina kehidupan di dunia menurut syariat dan menggunakan untuk memperkuatkan imannya.⁶⁵ Ia juga bertujuan membentuk manusia mukmin. Oleh kerana itu, faktor ketuhanan (*rabbani*) adalah faktor utama dalam pendidikan Islam. Keimanan dan keislaman bukanlah bergantung kepada perkataan yang diucapkan dan dakwaan yang dinyatakan, sebaliknya ia merupakan suatu hakikat yang tetap di dalam hati dan dibuktikan dengan amalan.⁶⁶

Apakah yang dimaksudkan dengan baik dalam konsep manusia baik itu? Menurut al-Attas, unsur asas yang memang sedia wujud di dalam konsep pendidikan Islam ialah penitisan adab (*ta'dib*) kerana adablah iaitu sebagai merangkumi kehidupan rohaniah dan kebendaan seseorang (manusia) yang menanamkan kualiti kebaikan yang diinginkan itu.⁶⁷

Menurut Abdul Halim El-Muhammady, untuk melahirkan warganegara yang baik berbeza di antara sebuah negara dengan negara yang lain kerana terdapatnya beberapa perbezaan dalam falsafah negara itu sendiri. Bagi negara komunis, warganegara yang baik ialah mereka yang beriman kepada ideologi komunis dan berjuang untuknya. Begitu juga dengan negara kapitalis. Oleh itu orang yang menolak agama bagi negara komunis adalah baik tetapi bagi negara kapitalis, orang yang menolak agama tidak dianggap sebagai seorang yang baik. Kesimpulannya setiap negara cuba menentukan kriterianya yang tersendiri berasaskan latarbelakang sejarah masyarakatnya dalam menentukan warganegara yang baik. Oleh itu kriteria yang menentukan warganegara yang baik itu adalah berasaskan kepada sempadan negara, kebudayaan dan sejarah sesuatu bangsa.⁶⁸

⁶³ Hasan Langgulung, Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan, *op.cit.*, h. 2.

⁶⁴ Hasan Langgulung, Manusia dan Pendidikan, *op.cit.*, h. 57.

⁶⁵ *First World Conference On Muslim Education* (1977). Jeddah: King Abdul Aziz University, h. 78.

⁶⁶ Yusuf al-Qaradawi (1982). *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 9-13.

⁶⁷ Al-Attas (ed.) (1979), *Aims And Objectives Of Islamic Education*, Jeddah: King Abdul Aziz University, h. 1.

⁶⁸ Abdul Halim El-Muhammady (1991). *Pendidikan Islam - Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidikan*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Salam, h. 15.

Menurut Abdullah al-Qari Hj. Salleh, tujuan pendidikan Islam itu ialah:

- Membimbing manusia (anak-anak) supaya tetap pada tujuan kejadiannya iaitu menghambakan diri kepada Allah, bukan menjadi hamba kepada kebendaan (harta, manusia atau berhala). Tegasnya ia bertujuan melenyapkan diri manusia dari segala sifat-sifat kekafiran, kemusyrikan dan kemunafikan.
- Untuk melaksanakan perhambaan kepada Allah dengan sepenuhnya melalui alam rumahtangga dan masyarakat serta negara. Tegasnya ia bertujuan membimbing anak-anak agar bertanggungjawab kepada Tuhan, agama, bangsa dan negara. Atau dengan kata lain membimbing manusia ke satu darjah yang sempurna (*insan kamil*) yang bakal hidup dalam masyarakat yang aman, damai dan bahagia.⁶⁹

Tujuan pendidikan Islam juga dibahagikan kepada tujuan umum dan khusus. Al-Abrasyi telah menyimpulkan lima tujuan umum bagi pendidikan Islam iaitu :

- Untuk membentuk akhlak mulia. Pendidikan akhlak adalah inti pendidikan Islam dan mencapai akhlak yang sempurna adalah tujuan pendidikan yang sebenarnya.
- Persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat. Pendidikan Islam bukan hanya menitikberatkan agama atau dunia sahaja tetapi kedua-duanya sekali.
- Persiapan untuk mencari rezeki dan pemeliharaan dari segi manfaatnya atau lebih dikenali sekarang ini dengan nama vokasional dan profesional.
- Menumbuhkan semangat ilmiah pada pelajar dan memuaskan perasaan ingin tahu mereka yang memungkinkan mereka mengkaji ilmu demi ilmu itu sendiri.
- Menyiapkan pelajar dari segi profesional, teknikal dan pertukangan supaya dapat menguasai profesi tertentu agar ia dapat mencari rezeki di samping memelihara aspek-aspek kerohanian dan keagamaannya.⁷⁰

Beliau lalu menyimpulkan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah proses pembentukan akhlak dan budi pekerti yang sanggup menghasilkan orang-orang yang bermoral, jiwa yang bersih, kemahuan yang keras, cita-cita yang benar dan akhlak yang tinggi, tahu erti kewajipan dan pelaksanaannya, menghormati hak-hak manusia, tahu membezakan buruk dengan baik, memilih satu *fadilah* kerana cinta kepada *fadilah*, menghindari suatu perbuatan yang tercela kerana ia tercela dan mengingati Tuhan dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan.⁷¹

Manakala yang dimaksudkan dengan tujuan khas ialah perubahan-perubahan yang dikehendaki yang termasuk di bawah setiap tujuan umum pendidikan. Dengan kata-kata lain gabungan pengetahuan, kemahiran, tingkah laku, sikap, nilai-nilai dan kebiasaan yang terkandung dalam tujuan akhir dan tujuan umum pendidikan tidak akan terlaksana jika tujuan khas tidak dilaksanakan dengan sempurna terlebih dahulu. Antara tujuan khas pendidikan Islam ialah:

- Memperkenalkan akidah Islam kepada generasi muda
- Melahirkan kesedaran pada diri pelajar tentang prinsip-prinsip akhlak yang mulia
- Menanamkan keimanan kepada Allah s.w.t. dan rukun iman yang lainnya.
- Mencetuskan minat dalam diri pelajar terhadap ilmu agama dan adab yang mulia dengan kerelaannya.
- Menanamkan cinta terhadap al-Qur'an dengan membaca, memahami dan mengamalkan ajarannya.
- Malahirkan rasa bangga terhadap sejarah dan kebudayaan Islam.
- Malahirkan akhlak yang mulia seperti sabar, tolong-menolong atas kebaikan dan taqwa, berkurban untuk agama, kasih sayang dan lain-lain.

⁶⁹ Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1987), *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 52-53.

⁷⁰ Muhammad 'Atiyyah al-Abrasyi (1969), *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuhu*, Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi, h. 71.

⁷¹ *Ibid.*, h. 23.

- h) Mendidik naluri dan motivasi generasi muda dan menguatkannya dengan akidah Islam serta mengajar mereka adab-adab dalam pergaulan di rumah, sekolah dan dalam masyarakat.
- i) Menanamkan keimanan yang kuat kepada Allah s.w.t.
- j) Membersihkan hati mereka daripada sifat-sifat mazmumah.⁷²

Demikianlah pelbagai pendapat mengenai tujuan pendidikan Islam yang dikemukakan oleh pakar-pakar pendidikan. Walaupun kelihatan berbeza namun pada hakikatnya pendapat-pendapat itu tidak bertentangan antara satu sama lain. Perbezaannya barangkali terletak pada penekanan tujuan. Kesimpulannya ialah tiada percanggahan antara tujuan akhir, umum dan khusus di dalam pendidikan Islam. Kesemuanya bertujuan untuk membentuk akhlak dan agama manusia agar seiring dengan tujuan penciptaannya sebagai hamba Allah s.w.t. dan khalifah-Nya atas muka bumi ini.

KANDUNGAN PENDIDIKAN ISLAM

Istilah kandungan bermakna bidang pengetahuannya tersusun dan menjadi dasar segala aktiviti pendidikan, contohnya di sekolah dan biasanya digolongkan kepada pelbagai mata pelajaran. Kandungan hanyalah suatu jalan menuju suatu tujuan. Hubungan antara kandungan dan tujuan amat erat kerana kandungan direka sehingga membolehkan kita mencapai tujuan pendidikan.

Kalau tujuan pendidikan berbeza antara sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain maka kandungan kurikulum juga harus berbeza. Oleh sebab hubungan yang erat antara tujuan dan kandungan pendidikan maka setiap teori pendidikan mempunyai kriterianya yang tersendiri untuk memilih kandungan itu. Oleh sebab al-Qur'an dianggap sebagai asas daripada teori pendidikan Islam, maka prinsip-prinsip al-Qur'an merupakan bahagian yang tak dapat dipisahkan yang memadukan antara pelbagai mata pelajaran agama atau sekular. Semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran tab'i haruslah diajarkan. Dualisme dalam bentuk mata pelajaran agama dan sekular bukan suatu ciri-ciri pendidikan menurut al-Qur'an. Kalaupun wujud, itu disebabkan oleh faktor-faktor sosio-politik, baik dari luar atau dari dalam.

Mata pelajaran yang harus ada dalam kurikulum pendidikan ialah:

- a) Al-Qur'an dan al-Hadith di samping bahasa Arab. Ini yang disebutkan "ilmu yang diwahyukan" (*revealed knowledge*).
- b) Bidang-bidang yang meliputi kajian tentang manusia sebagai individu dan anggota masyarakat. Dalam bahasa Arab disebut *al-'Ulum al-Insaniyyah* seperti psikologi, sosiologi, sejarah dan lain-lain.
- c) Bidang-bidang pengetahuan yang mengkaji alam tabi'i yang disebut sebagai *al-'Ulum al-Kawniyah* seperti *natural science* yang meliputi antronomi, biologi, botani dan lain-lain.

⁷³

Dr. Abdul Halim Hj. Mat Diah telah menyimpulkan isi atau kandungan pendidikan Islam itu pada dasarnya mencakupi tiga aspek:

- a) Pendidikan dan pengajaran yang berbentuk keagamaan. Ia harus mencakupi pendidikan ketauhidan dan mempraktikkannya dalam amal perbuatan atau ibadah.
- b) Pendidikan dan pengajaran akhlak
- c) Pendidikan dan pengajaran yang berbentuk keduniaan.⁷⁴

Kandungan daripada pendidikan Islam itu haruslah diterapkan di pusat-pusat pendidikan Islam termasuklah keluarga atau rumahtangga, sekolah, organisasi-organisasi masyarakat dan rumah-rumah ibadah.⁷⁵ Dengan menerapkan kandungan pendidikan Islam ke dalam institusi-institusi tersebut,

⁷² *Ibid.*, h. 64-65.

⁷³ Hasan Langgulung, Manusia dan Pendidikan, *op.cit.*, h. 35-36.

⁷⁴ Abdul Halim Hj. Mat Diah. *op.cit.*, h. 67.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 68.

adalah diharapkan agar akan lahirlah sebuah masyarakat Islam yang unggul, dihormati dan menjadi contoh kepada bangsa-bangsa lain di dunia ini.

KESIMPULAN

Umum mengetahui bahawa peranan pendidikan Islam dalam memanusiakan manusia sejak dahulu lagi memang tidak boleh dinafikan. Hal ini tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara mahupun Falsafah Pendidikan Universiti ini sendiri. Kalau dilihat kepada kedua-dua falsafah tersebut, penekanannya ialah kepada melahirkan insan seimbang dan harmoni dalam ilmu duniaawi dan ukhrawi. Oleh itu, pendidikan Islam yang merupakan ilmu fardu 'ain perlu bergerak seiring dengan ilmu-ilmu fardu kifayah supaya di zaman moden ini kita mampu melahirkan kembali ulama-ulama seperti Ibn Khaldun, Ibn Sina, al-Farabi, al-Khawarizmi, al-Kindi dan lain-lain lagi yang pernah mengharumkan nama Islam suatu ketika dahulu.

Bibliografi

Al-Qur'an al-Karim

Al-Hadith al-Syarif

Abdul Halim El-Muhammady. Pendidikan Islam - Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Salam.1991

_____. Pendidikan Islam: Skop dan Matlamatnya Jurnal Pendidikan Islam, thn. 1, bil. 1, K.Lumpur: ABIM.1984

Abdul Halim Hj. Mat Diah. Dr. Islam dan Demokrasi Pendidikan, Abdul Rashid (terj.), K.Lumpur: DBP.1989

Abdullah al-Qari Hj. Salleh , Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Salam1987.

Abdullah Ishak . Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam, Petaling Jaya: al-Rahmaniah.1989

Ahmad D. Marimba, Drs., Pengantar Filsafat Pendidikan Islam, c. 2, Bandung: al-Ma'arif.1964

Al-Abrasyi, Muhammad Atiyyah . Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam, Prof. H. Bustami, A. Ghani & Johan Bakri (terj.). Jakarta: Bulan Bintang.1970

_____. al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuha, Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi.1969.

Al-Ahwani, Ahmad Fu'ad, Dr., al-Tarbiyyah fi al-Islam, Kaherah: Dar al-Ma'arif.1968

Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din , Sahih al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatih "al-Fath al-Kabir", j. 2, c.2, Beirut: al-Maktab al-Islami.1986.

Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. Islam, Secularism And The Philosophy Of The Future, London and New York: Mansell Publishing Limited.1985.

_____(ed.) , Aims And Objectives Of Islamic Education, Jeddah: King Abdul Aziz University.1979.

- Al-Bahi, ‘Abd al-Rahman , al-Madkhal ila al-Tarbiyyah fi Daw’i al-Islam, c. 2, t.t.p.: Maktabah al-Islam.1983
- Al-Bukhari, Muhammad b. Isma’il Abu ‘Abd Allah (t.t.), Sahih al-Bukhari bi Hasviyah al-Sindi, j.1, t.t.p:Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Bustani, Fu’ad Ifram . Munjid al-Tullab, c. 3, Beirut: Dar al-Masyriq.1986
- Al-Jaza’iri, Abu Bakr Jabir , Aqidah al-Mu’mín, Kaherah: Dar al-Kutub al-Salafiyah.1981
- Al-Manawi, Mustafa Muhammad ‘Imarah , al-Jami‘ al-Saghir, juz. 1, Kaherah: Matba’ah ‘Isa al-Babi al-Halabi.1954.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris ‘Abd al-Ra’uf (t.t.), Kamus al-Marbawi, c. 4, Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Mundhiri, Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim b. ‘Abd al-Qawi (t.t.), al-Targhib wa al-Tarhib, j. 1, Kaherah: Maktabah Syabab al-Azhar al-Syarif al-Da’wah al-Islamiyyah.
- Al-Nahlawi, ‘Abd. al-Rahman , Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibaha, c. 2, Damsyik: Dar al-Fikr.1983
- Al-Qaradawi, Yusuf , al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna, Kaherah: Maktabah Wahbah.1982
- Al-Sa’id Bakr, ‘Abd al-Jawwad, Dr. , Falsafah al-Tarbiyah al-Islamiyyah fi al-Hadith al-Syarif, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.1983
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman b. Abi Bakr , al-Jami‘ al-Saghir fi Ahadith al-Basyir wa al-Nadhir, Kaherah: Dar al-Katib al-‘Arabi. 1967
- Al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah (t.t.), al-Jami‘ al-Sahih - Sunan al-Tirmidhi, tahqiq Ibrahim ‘Utwah, j. 5, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Anas, Malik , al-Muwatta, j. 2, Beirut: Mu’assasah al-Risalah.1991
- First World Conference On Muslim Education , Jeddah: King Abdul Aziz University.1977
- H. Mahmud Yunus, Prof. , Kamus Arab-Indonesia, Klang: Klang Book Centre.1972
- H. Zainal Abidin Ahmad , Memperkembangkan dan Mempertahankan Pendidikan Islam di Indonesia, Jakarta: Bulan Bintang.1976
- Hasan Langgulung . Asas-asas Pendidikan Islam, c. 2, K. Lumpur: DBP.1997
- _____, Manusia dan Pendidikan - Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan, Jakarta: Pustaka al-Husna 1986.
- _____, Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan, K.Lumpur: DBP.. h. 1.1986.
- _____, Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam, K.Lumpur: Pustaka Antara.1981
- Hawwa, Sa’id , al-Rasul Sallallahu ‘Alaihi wa Sallam, Beirut: Dar ‘Ammar. 1988
- _____, al-Islam, Beirut: Dar ‘Ammar.1988

- _____ ,al-Islam, Kaherah: Maktabah Wahbah.1987
- Husain, S.S. dan Ashraf, S.A., Krisis Dalam Pendidikan Islam, Mas'od Abd. Rashid (terj), K.Lumpur: DBP.1989
- Ibn Manzur (t.t.), Lisan al-'Arab, j. 1, Beirut: Dar Sadir.
- Jalaluddin, Dr. & Usman Said, Drs., Filsafat Pendidikan Islam-Konsep dan Perkembangan Pemikirannya, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada..K.Lumpur: ABIM.1994
- Khursyid Ahmad, Prof. , Prinsip-prinsip Pendidikan Islam, c. 2, K.Lumpur: Biro Pendidikan dan Pelajaran ABIM.1975
- Mahayudin Hj. Yahaya , Tamadun Islam, edisi ke-2, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.2001
- Mohd Nasir bin Omar , “Islam Dan Pembangunan Sepadu: Konsep Dan Perspektif” dlm. Ismail Abdul Rahman, Mohd Nasir Omar (pulg), Islam Cabaran Dan Isu Semasa, K.Lumpur: DBP.1991
- Muhammad Uthman El-Muhammady , “Pendidikan Islam Menurut al-Nadwi: Satu Analisis”, Jurnal Usuluddin, bil. 11, K.Lumpur: Bah. Peng. Usuluddin, APIUM, Julai 2000.
- Muhammad Kamal Hassan , Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu, K.Lumpur: Nurin Enterprise.1988
- _____ (1979), “Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Umat” (Kertas kerja Seminar Islam Peringkat Negeri Sarawak, 31 Mac – 4 April 1997).
- Ponnels, Ralrh L. and Garretson, Robert L., Principles of Modern Education, New York: The Macmillan Co.1967
- Sabiq, Sayyid , Islamuna, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.1956
- Samak, Muhammad Salih , Ilmu Pendidikan Islam, Wan Amnah Yaakob, Saedah Suhaimi & Ahmad Ismail (terj.), K.Lumpur: DBP.1993
- Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmeih, Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an, c. 16, K.Lumpur: Dar al-Fikr.2000
- Syalabi, Ahmad , Masyarakat Islam, Muchtar Jahja (terj.), c. 2, Singapura: Pustaka Nasional.1976
- The Encyclopedia Americana , v. 9, USA: Americana Corporation.1961
- The New Encyclopaedia Britannica , v. 4, 15th. Edition, Chicago: The University of Chicago.1986
- Wan Zahidi Wan Teh , Identiti dan Kandungan Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.1986
- Wehr, Hans , A Dictionary of Modern Written Arabic, J. Milton Cowan (ed), third edition, New York: Spoken Language Services, Inc.1976
- Zawawi Hj. Ahmad , “Teras dan Falsafah Pendidikan”, Jurnal Pendidikan Islam, thn. 2, bil. 2, K.Lumpur: ABIM.1988